

Penggunaan Ayat-Ayat Al-Qur'an oleh Raja Ali Haji di dalam Karya Beliau *Thamarat al-Muhimmah*

Oleh

Raja Hisyamudin bin Raja Sulong*
Dr Bharuddin Che Pa[#]

Abstrak

*Penggunaan ayat-ayat al-Qur'an di dalam penulisan-penulisan dan karya-karya merupakan amalan rutin yang dilakukan oleh ulama Islam. Ianya berfungsi untuk mewujudkan legitimasi dan memberikan autoriti terhadap topik perbincangan mereka serta memberikan keyakinan kepada pembaca terutamanya di kalangan orang-orang Islam terhadap karya yang dihasilkan. Pengamalan ini bukan sahaja berlaku di kalangan ulama Islam berketurunan Arab tetapi juga di kalangan ulama Islam di rantau Kepulauan Melayu ini. Kertas kerja ini akan meneliti dan menyenaraikan penggunaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Raja Ali Haji, seorang ulama Melayu Islam tersohor yang berasal dari Riau di dalam karya beliau *Thamarat al-Muhimmah*.*

Kata Kunci : Raja Ali Haji, Ulama Melayu, Thamarat al-Muhimmah, autoriti dalil, dalil al-Qur'an

Pendahuluan

Sesuai penulisan yang baik terutamanya yang menyentuh persoalan tentang Islam harus disertakan dengan dalil-dalil yang sesuai. Dalil-dalil ini boleh terdiri daripada dalil yang bersifat naqli iaitu yang berdasarkan kepada ayat-ayat suci al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah SAW ataupun dalil-dalil yang bersifat aqli iaitu dalil yang berdasarkan kepada penggunaan logik akal. Dalil-dalil naqli adalah bersifat mutlak benar iaitu wajib dipercayai dan diterima oleh orang Islam manakala dalil-dalil aqli pula adalah bersifat relatif dan tidak mutlak benar. Penerimaan kepada dalil yang berstatus aqli ini bergantung kepada keadaan. Adakalanya ia menjadi benar dan boleh diterima sebagai dalil yang sah dan mungkin pada keadaan dan ketika yang lain, ianya menjadi tidak benar dan tidak boleh diterima sebagai dalil yang sah.

Penggunaan dalil-dalil ini adalah sebagai pemandu kepada penulis dan pengkarya agar tidak terpesong daripada apa yang dibincangkan. Ianya juga akan memberikan keyakinan kepada pembaca bahawa bahan bacaan yang mereka baca itu adalah bermutu, benar maklumatnya dan memberikan manfaat kepada mereka. Penggunaan dalil-dalil yang sah ini adalah penting untuk membezakan antara karya yang berstatus cereka atau fiksyen dengan karya-

* Raja Hisyamudin bin Raja Sulong, merupakan Felo SLAI di Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email : r_hisyamudin@um.edu.my.

[#] Bharuddin bin Che Pa, PhD, merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email : bharuddin@um.edu.my.

karya yang berbentuk ilmiah. Ianya akan memberikan pilihan kepada pembaca ketika mereka mencari bahan-bahan bacaan.

Di dalam penulisan tentang Islam, penggunaan dalil-dalil yang sahih adalah penting untuk memberikan legitimasi terhadap perkara yang dibincangkan oleh penulis. Legitimasi atau keabsahan ini membuktikan bahawa perkara yang diutarakan oleh penulis adalah benar dan berdasarkan sumber yang betul dan sepertimana yang disebut di atas, kalaulah ianya merujuk kepada ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah SAW, ianya wajib dipercayai dan diterima. Bagi sesetengah ulama Islam, penulisan yang menggunakan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah SAW sebagai dalil akan disertakan sumber daripada mana ianya dipetik. Tindakan ini akan menambahkan lagi autoriti kebenaran dalil-dalil tersebut. Bertitik tolak dari asas tersebut, kertas kerja ini akan meneliti dan menyenaraikan ayat-ayat al-Qur'an yang digunakan oleh Raja Ali Haji sebagai dalil-dalil di dalam karya beliau *Thamarat al-Muhimmah*.

Biografi Ringkas Raja Ali Haji

Nama sebenar Raja Ali Haji ialah Tengku Haji Ali al-Haj bin Tengku Haji Ahmad bin Raja Haji al-Syahid fi Sabilillah bin Opu Daeng Celak¹. Beliau lebih dikenali dengan nama Raja Ali Haji. Kebanyakan masyarakat umum terkeliru nama beliau dengan nama datuk beliau iaitu Raja Haji², nama sepupu beliau iaitu Raja Ali bin Raja Jaafar³ dan juga cucu saudara beliau iaitu Raja Ali Kelana⁴.

Raja Ali Haji dilahirkan di Pulau Penyengat Indera Sakti (kini termasuk di dalam wilayah Kepulauan Riau, Indonesia) yang merupakan pusat pemerintahan Kesultanan Melayu Johor dan Riau-Lingga yang berada di bawah pengaruh dan sokongan Belanda. Berbeza dengan ayah beliau Raja Ahmad, tarikh kelahiran Raja Ali Haji tidak dinyatakan dengan teliti oleh sumber sejarah. Menurut Wan Mohd Shaghir, tahun kelahiran Raja Ali Haji ialah pada tahun 1809M⁵. Namun beliau sendiri masih ragu-ragu tentang tarikh tersebut kerana kebanyakan sumber-sumber yang menyatakannya tidak disertakan dengan tahun Hijrah. Tetapi menurut Hooker (1991) berdasarkan kajian beliau tentang Tuhfat al-Nafis karangan Raja Ali Haji, tahun kelahiran Raja Ali Haji ialah memang pada tahun 1809M. Ini kerana menurut kajian beliau, walaupun tidak dinyatakan di dalam Tuhfat al-Nafis tarikh kelahiran Raja Ali Haji, tetapi ada dinyatakan tarikh keberangkatan beliau menunaikan Haji ke Mekah bersama ayahanda beliau iaitu pada Sya ban 1243H (Februari 1828M) ketika beliau berusia 19 tahun. Ini bermakna Raja Ali Haji telah dilahirkan dalam tahun 1224H (1809M)⁶. Menurut Hassan

¹ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2001), Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad Ar-Riyawi Pujangga Melayu Termasyhur di dalam *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur : Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, Jilid 14, hlm. 21

² Raja Haji bin Opu Daeng Celak merupakan YDM Riau yang ke-4. Beliau dilahirkan di Kota Lama, di Hulu Sungai Riau, pada tahun 1139 H/1725 M dan terbunuh syahid ketika berperang melawan Belanda pada hari Rabu di Teluk Ketapang, Melaka, 19 Rejab 1198 H/18 Jun 1784 M.

³ Raja Ali bin Raja Jaafar merupakan YDM Riau yang ke-8 (1844-1857M). Beliau merupakan sepupu kepada Raja Ali Haji dan juga cucu kepada Raja Haji bin Opu Daeng Celak.

⁴ Raja Ali Kelana bin Raja Muhammad Yusof adalah merupakan cucu kepada Raja Ali bin Raja Jaafar dan juga cucu saudara kepada Raja Ali Haji bin Raja Ahmad. Ayah beliau Raja Muhammad Yusof bin Raja Ali adalah YDM Riau yang ke-10 dan yang terakhir (1858- 1899M).

⁵ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2001), *op.cit*, hlm. 22

⁶ Hooker, Virginia Matheson (1991) *Tuhfat al-Nafis Sejarah Melayu-Islam*, Ahmad Fauzi Basri (terj), Kuala Lumpur : DBP, hlm. 44

Junus pula, tahun kelahiran Raja Ali Haji ialah pada akhir tahun 1808M atau awal tahun 1809M⁷.

Raja Ali Haji merupakan anak kepada Raja Ahmad⁸ yang bergelar Engku Haji Tua dan cucu kepada Raja Haji bin Opu Daeng Celak yang merupakan YDM Riau yang ke-4. Ibu beliau bernama Che Hamidah binti Panglima Malik Selangor⁹ yang berasal dari golongan bangsawan Selangor. Susur galur keturunan beliau dari sebelah bapa adalah berasal dari keturunan Bugis lima bersaudara¹⁰ yang berasal dari negeri Luwuk¹¹. Keturunan bangsawan Bugis ini banyak terlibat di dalam struktur dan konflik pemerintahan kesultanan Melayu pada ketika itu.

Raja Ali Haji mempunyai beberapa orang isteri. Isteri pertama beliau bernama Sulung dan hasil dari perkahwinan itu mereka mempunyai beberapa orang anak iaitu Raja Muhammad, Raja Fatimah dan Raja Halijah¹². Hasil perkahwinan dengan Raja Halimah¹³ pula, beliau telah dikurniakan 9 orang anak iaitu Raja Hassan, Raja Kalthum, Raja Sharifah, Raja Hamidah, Raja Aminah, Raja Maimunah, Raja Juriah, dan Raja Alwi. Raja Kalthum adalah merupakan pengarang bagi karya Syair Saudagar Bodoh dan Raja Hassan pula adalah pengarang bagi karya Syair Burung. Selain dari itu, Raja Ali Haji juga berkahwin dengan Raja Safiyyah¹⁴ dan Daeng Cahaya¹⁵ anak kepada Daeng Menaruh. Dengan Raja Safiyyah, beliau dikurniakan 2 orang anak iaitu Raja Husain dan Raja Solehah manakala dengan Daeng Cahaya pula beliau dikurniakan 5 orang anak iaitu Raja Siah, Raja Muhammad Ali, Raja Afifah, Raja Hitam dan Raja Syarifah¹⁶.

Raja Ali Haji mempelajari pendidikan asas dari ayah beliau sendiri iaitu Raja Ahmad. Di samping itu, beliau juga mendapatkan pendidikan dari lingkungan istana Kesultanan Riau-Lingga di Pulau Penyengat. Di lingkungan kesultanan ini, secara langsung beliau mendapatkan pendidikan dari tokoh-tokoh terkemuka yang pernah datang merantau ke Pulau Penyengat sama ada yang datang dengan tujuan mengajar dan sekaligus belajar. Di antara ulama-ulama yang dimaksudkan ialah seperti Habib Syeikh al-Saqaf, Syeikh Ahmad Jibrati¹⁷,

⁷ Hasan Junus (1988), *Raja Ali Haji Budayawan di Gerbang Abad XX*, Riau : Universitas Riau Press, hlm. 39 dan hlm. 135.

⁸ Raja Ahmad bin Raja Haji dilahirkan sekitar tahun 1778M. Merupakan negarawan dan penasihat kepada YDM Riau ke -6, Raja Jaafar bin Raja Haji yang juga merupakan abang beliau. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai penasihat kepada YDM Riau yang ke-7, Raja Abdul Rahman bin Raja Jaafar yang juga merupakan anak saudara beliau.

⁹ Che Hamidah binti Panglima Malik ialah anak seorang panglima perang di Selangor. Melalui perkahwinannya dengan Raja Ahmad, beliau telah melahirkan Raja Ali Haji, Raja Salihah dan Raja Chik.

¹⁰ Garis keturunan ini berasal dari moyang beliau Opu Daeng Celak yang berasal dari negeri Luwuk yang kemudiannya mengembara dan menetap di Riau dan dilantik sebagai Yang Dipertuan Muda (YDM) (pembantu sultan dalam urusan pemerintahan).

¹¹ A. Samad Ahmad (1985), *Kerajaan Johor-Riau*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1 – 3.

¹² Abu Hassan Sham (1991), *op. cit.*, hlm. 381

¹³ Isteri beliau yang kedua iaitu anak kepada YDM Raja Jaafar yang juga merupakan sepupu beliau.

¹⁴ Raja Safiyyah adalah merupakan adik beradik dengan Raja Halimah, isteri beliau yang kedua yang juga adik beradik dengan YDM Raja Ali.

¹⁵ Virginia Matheson & B.A Andaya (1982), *The Precious Gift (Tuhfat al-Nafis)*, OUP, hlm 36 – 37.

¹⁶ *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm 167 – 168.

¹⁷ Syeikh Ahmad Jibrati bersama-sama Sheikh Syihabuddin iaitu anak kepada Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari telah dibawa oleh Raja Abdullah dari Mekah sewaktu beliau mengerjakan Haji dan menuntut ilmu di sana. Tujuannya adalah untuk mengajar ilmu agama di Riau kerana kedua-dua ulama ini

Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi, Syeikh Abdul Ghaffur bin Abbas al-Manduri, dan ramai lagi. Dengan Tuan Syeikh Ismail, Raja Ali Haji telah mempelajari kitab tarikat Muhammadiyah, kitab Faraid Matan Sanusi dan sebagainya lagi¹⁸. Raja Ali Haji juga pernah berguru dengan Tuan Haji Abdul Wahab, seorang ulama dan mufti besar bagi kerajaan Johor-Riau-Lingga¹⁹. Raja Ali Haji juga mendapatkan pendidikan dari luar lingkungan kesultanan. Ketika beliau beserta rombongan ayah beliau Raja Ahmad pergi ke Batavia (Jakarta) pada tahun 1822M, Raja Ali Haji memanfaatkan momentum ini sebagai peluang untuk belajar. Beliau juga pernah belajar Bahasa Arab dan ilmu agama di Mekah, iaitu ketika bersama ayah beliau dan sebelas kerabat yang lainnya mengunjungi Tanah Suci Mekah pada tahun 1828M untuk menunaikan ibadah Haji. Mereka merupakan bangsawan Riau yang pertama kali mengunjungi Mekah dan menunaikan ibadah Haji. Raja Ali Haji beserta ayah beliau dan rombongannya²⁰ sempat ke Mesir, setelah berada di Mekah beberapa bulan. Ketika itu, Raja Ali Haji masih berusia muda.

Selama berkelana di Mekah, Raja Ali Haji memanfaatkan banyak waktu beliau untuk menambah pengetahuan keagamaan. Di Tanah Suci inilah, pendidikan beliau mengalami peningkatan yang sangat memberangsangkan. Di sana beliau sempat berhubungan dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Beliau belajar dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani berkenaan pengetahuan bahasa Arab dan ilmu-ilmu keislaman yang lainnya. Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani merupakan seorang tokoh ulama yang dihormati di kalangan masyarakat Melayu yang ada di Mekah. Selama di Mekah, Raja Ali Haji juga bersahabat dengan salah seorang anak Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, iaitu Syeikh Syihabuddin bin Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari²¹.

Raja Ali Haji juga merupakan seorang yang gemar membaca dan tabiat ini telah menambahkan lagi khazah keilmuan beliau. Ini terbukti apabila Raja Ali Haji telah membaca beberapa buah kitab dari Mesir yang dipesan melalui von de Wall kepada orang-orang tertentu di Mesir seperti kitab *Tarikh al-Khamis*, *Syarh al-Zubad*, *Mizan Sya'rani*, *Hayat al-Hayawan* dan sebagainya²². Selain daripada karya-karya itu, Raja Ali Haji juga turut membaca kitab-kitab karangan al-Ghazali seperti *Bidayah al-Hidayah*, *Minhaj al-'Abidin*, *Ihya' 'Ulumuddin*, *Nasihah al-Muluk* dan karya-karya ulama lain seperti *Umm al-Barahin* karangan al-Sanusi, *Jawharat al-Tawhid* karangan Ibrahim b. Ibrahim b. Hassan al-Lakani,

merupakan ulama yang masyhur dalam ilmu agama dan telah mengarang beberapa buah kitab Fiqh dan sebagainya. Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 600

¹⁸ Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 613 – 614.

¹⁹ Tuan Haji Abdul Wahab adalah pengarang bagi karya Hikayat Golam. Beliau juga pernah menjadi guru kepada Raja Ahmad dan YDM Raja Jaafar. Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 388, 496-407; lihat juga surat Raja Ali Haji kepada von de Wall pada 9 Oktober 1864 dan 7 Disember 1865 dalam *Berkekalan Persahabatan*, hlm. 62 & 65.

²⁰ Anggota rombongan itu berjumlah 11 orang iaitu Raja Ahmad sendiri, anaknya Raja Ali disertai Khatib Abdul Rahman, Bilal Abdullah, Haji Abdul Jamal bin Haji Abdul Wahab, Encik Muhammad Salleh (Terengganu), Encik Bakar, Encik Kassim, Encik Mahmud, Encik Muhammad anak Encik Makmur, Ahmad anak Encik Makmur dan Lebai Ismail berasal dari Jawa yang bekerja dengan Raja Ahmad. Rujuk Abu Hassan Syam (1991), *op. cit.*, hlm 15.

²¹ Lihat nota kaki no. 24

²² Lihat surat Raja Ali Haji kepada von de Wall bertarikh 13 November 1869 dalam *Berkekalan Persahabatan*, hlm. 86; Hassan Junus (1991), *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*, hlm. 64 & 89.

karya Abdul Rauf al-Singkeli, al-Zawzani, al-Samarkandi²³ dan sebagainya lagi yang tersebar luas di Pulau Penyengat pada ketika itu.

Raja Ali Haji mula menceburkan diri secara aktif di dalam pentadbiran Riau-Lingga semenjak tahun 1830-an. Ini dapat dilihat melalui peranan beliau bersama-sama sepupunya, Raja Ali bin YDM Raja Jaafar yang ketika itu dilantik menjadi kelana²⁴ membuat lawatan ke pulau-pulau jajahan Riau bagi menghapuskan aktiviti perlanunan yang sering mengganggu perairan Riau-Lingga²⁵. Selain itu beliau juga turut terlibat di dalam majlis perlantikan sepupu beliau Raja Ali sebagai YDM Riau ke-8 pada 1843M²⁶. Pada majlis tersebut, Raja Ali Haji telah ditugaskan menjadi jurutulis surat perlantikan untuk ditandatangani oleh anak-anak raja bagi menandakan persetujuan mereka di atas perlantikan YDM yang baru.

Walaupun Pulau Penyengat selalu dikunjungi oleh ulama-ulama dari luar, tetapi Raja Ali Haji dianggap sebagai guru agama yang dihormati. Sekitar tahun 1840-an, beliau adalah penasihat, guru agama, guru bahasa Melayu dan Arab kepada YDM Raja Abdul Rahman²⁷ (1831-1844) YDM Raja Ali (1844 – 1857), YDM Raja Haji Abdullah²⁸ (1857 – 1858) dan kepada YDM Raja Muhammad Yusuf (1858-1899)²⁹. Sebagai penasihat kepada sepupu dan ipar kepada YDM Raja Ali, Raja Ali Haji telah ditugaskan untuk membawa alim ulama seperti Syed Abdullah Bahrain bagi mengajarnya dan para pegawai kerajaan tentang ilmu agama dan al-Quran di Pulau Penyengat³⁰.

Meninggalnya Raja Ali Haji merupakan satu kehilangan yang besar di kalangan para cendekiawan dan pembesar-pembesar kerajaan Riau-Lingga. Namun begitu tiada catatan yang dibuat mengenai tarikh kematian beliau. Andaya dan Matheson (1983) menetapkan tarikh kematian Raja Ali Haji pada tahun 1879M³¹ tetapi Mohd Taib Osman (1987) mengatakan antara tahun 1869 – 1875M³². Peristiwa yang boleh dijadikan petunjuk tentang tahun

²³ Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 593-594

²⁴ Dinamakan 'Kelana' adalah sebagai petanda calon untuk menjadi YDM Riau tetapi beliau tidak sempat untuk menjawat jawatan tersebut kerana Kerajaan Riau-Lingga dimansuhkan Belanda pada tahun 1911M

²⁵ *Berkekalan Persahabatan*, hlm. 12 -13

²⁶ Raja Ali diangkat menjadi YDM setelah kemangkatan YDM Raja Abdul Rahman pada 1260H dengan persetujuan adik-beradik dan saudara-maranya. Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu Islam*, hlm. 605, 609 – 611; lihat juga Muhd Yusuf Ibrahim dan Mahyudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan Pensejarahan*, hlm. 247

²⁷ YDM Raja Abdul Rahman merupakan anak kepada YDM Raja Jaafar dengan Raja Lebar. Beliau dilantik menjadi YDM ke-7 bagi kerajaan Johor-Riau-Lingga setelah kemangkatan ayahnya. Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 166 & 570.

²⁸ YDM Raja Haji Abdullah merupakan anak kepada Raja Jaafar telah dilantik sebagai YDM Riau ke-9 selepas kemangkatan YDM Raja Ali. Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 593-594

²⁹ YDM Raja Muhammad Yusuf merupakan anak kepada YDM Raja Ali dan telah menggantikan YDM Raja Abdullah selepas kemangkatannya. Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 643; Abdul Rahman Hj. Abdullah (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Jakarta: Gema Insani Press, hlm 51

³⁰ Lihat *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 610

³¹ Andaya, B.W & Matheson, Virginia (1983) *Pikiran Islam dan Tradisi Melayu* Tulisan Raja Ali Haji dari Riau (1809 – 1870M) dalam Anthony Reid dan David Marr, *Dari Raja Ali Haji hingga Hamka, Indonesia dan Masa Lalunya*, Jakarta: PT Temprint

³² Mohd Taib Osman (1987), *Raja Ali Haji dari Riau: Apakah Beliau Seorang Tokoh Transisis atau Pujangga Klasik Akhir Sekali?* dalam Mohd Daud Mohamad, *Tokoh-Tokoh Sastera Melayu Klasik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

kematian Raja Ali Haji ialah surat menyurat beliau dengan Herman von de Wall³³. Dalam surat beliau kepada von de Wall pada akhir tahun 1872M, Raja Ali Haji ada menyebut bahawa beliau semakin kerap sakit dan tiada lagi catatan atau surat beliau selepas 31 Disember 1872 di dalam simpanan von de Wall. Mungkin disebabkan peristiwa ini, Hassan Junus menganggarkan Raja Ali Haji meninggal dunia sekitar tahun 1873M iaitu tahun yang sama dengan kematian von de Wall. Ini dikuatkan lagi dengan tiadanya catatan mengenai beliau selepas tahun tersebut³⁴. Selepas kematian Raja Ali Haji, jenazah beliau dimakamkan di Pulau Penyengat dan masih kekal terpelihara hingga ke hari ini.

Karya-Karya Raja Ali Haji

Raja Ali Haji terkenal sebagai seorang cendekiawan yang banyak menghasilkan karya-karya dalam pelbagai bidang keilmuan. Antaranya di dalam bidang agama, bidang sejarah, bidang kesusasteraan Melayu, bidang bahasa dan juga dalam bidang ketatanegaraan. Antara karya-karya beliau yang telah di kenalpasti ialah Gurindam Dua Belas³⁵ yang merupakan karya pertama beliau yang dihasilkan pada tahun 1847M, *Bustan al-Katibin* (1851M)³⁶, *Thamarat al-Muhimmah*, Kitab Pengetahuan Bahasa (1858M)³⁷, *Tuhfat al-Nafis* (1865M)³⁸, Salasilah Melayu dan Bugis (1865M)³⁹, *Muqaddimah fi Intizam*⁴⁰, Syair Siti Sianah⁴¹, Syair Abdul

³³ von de Wall adalah pembantu Residen Belanda di Riau pada tahun 1855M. Beliau adalah berasal dari Jerman. Sebelum menjawat jawatan tersebut, von de Wall pernah memegang beberapa jawatan semasa bertugas di Jawa, Cirebon, dan Kalimantan. Ketika bertugas di Kalimantan, beliau mula tertarik untuk belajar bahasa Melayu dan ingin membuat kamus. Pada tahun 1855M, beliau mula menyusun kamus Melayu – Belanda dan Belanda – Melayu. Beliau datang ke Riau dan mula mengenali Raja Ali Haji. Beliau banyak mendapat maklumat tentang loghat bahasa Melayu daripada Raja Ali Haji dan Haji Ibrahim yang akhirnya menjadi sahabat beliau. Sila lihat *Berkekalan Persahabatan*, hlm. 4 – 8; Barbara Watson Andaya & Virginia Matheson, *Islamic Thought and Malay Tradition: The Writing of Raja Ali Haji of Riau (ca. 1809 – 1870M)*, hlm. 108 – 128.

³⁴ Lihat Hassan Junus (penyelenggara), *Raja Ali Haji dan Karya-Karyanya*, hlm. 21; Hassan Junus, *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*, hlm. 146; *Berkekalan Persahabatan*, hlm. 8; *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu Islam*, hlm. 36.

³⁵ Gurindam Dua Belas yang terdiri daripada 12 fasal ini adalah puisi berupa nasihat dan petunjuk yang sesuai dengan jalan kesufian. Lihat keseluruhan 12 fasal isi kandungan gurindam ini dalam Hassan Junus (penyelenggara) (1996), *Raja Ali Haji dan Karya-Karyanya*, hlm. 33- 41.

³⁶ *Bustan al-Katibin* telah ditulis atas permintaan sepupu beliau YDM Raja Ali pada September 1851M dan dicetak di pusat percetakan Penyengat pada tahun 1857M. Lihat *Berkekalan Persahabatan*, hlm 11 & 13.

³⁷ Kitab Pengetahuan Bahasa ialah sebuah kamus ensiklopedia monolingual Melayu yang pertama yang disusun bukan secara alphabet biasa tetapi dengan metode Kaufah yang bertumpu pada penyesuaian huruf awal dan akhir yang sama. Buku ini telah selesai ditulis pada tahun 1858M dan dicetak pada tahun 1929M di Percetakan al-Ahmadiyah Press di Singapura. Lihat Hassan Junus (penyelenggara) (1996), *Raja Ali Haji dan Karya-Karyanya*, hlm. 22.

³⁸ *Tuhfat al-Nafis* adalah merupakan karya yang berunsurkan sejarah. Sehingga kini dianggarkan terdapat lebih kurang 5 versi mengenainya iaitu 4 versi panjang dan 1 versi pendek. Dikatakan sebagai hasil karya bersama antara Raja Ali Haji dan ayah beliau Raja Ahmad. Ianya mula dikarang pada tahun 1865M. Lihat Arba'iyah Mohd Noor (2007), *Idea Sejarah Melayu: Kajian berdasarkan Teks Sejarah Melayu, Misa Melayu dan Tuhfat al-Nafis*, Universiti Malaya: Tesis Ph.d, hlm. 184 -186.

³⁹ Menurut Hassan Junus, terdapat sekurang-kurangnya tiga buah naskah Silsilah Melayu dan Bugis yang telah dikenalpasti tersimpan di beberapa perpustakaan di dunia. Pertamanya di perpustakaan Universiti Leiden, Belanda dengan penyalinnya bernama Abdul Aziz ibn almarhum al-Haj Nawawi al-Faraqidah. Naskah kedua berada di Muzium Negara Kuala Lumpur setelah dipindahkan dari Muzium Negeri Perak pada tahun 1962. Manakala naskah ketiga pula berada di perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dengan penyalinnya bernama Haji Abdul Ghani. Lihat Hassan Junus (1991), *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*, hlm 99.

Muluk⁴², Syair Hukum Nikah⁴³, Syair Suluh Pegawai⁴⁴ dan Syair Sinar Gemala Mastika Alam⁴⁵.

Karya-karya beliau ini mengandungi nilai akademik yang tinggi dan menjadi bahan kajian ramai sarjana sama ada sarjana tempatan maupun luar negara. Antara yang menjadi tumpuan ialah karya sejarah *Tuhfat al-Nafis* dan Salasilah Melayu dan Bugis. Maxwell dalam rencananya mengenai Raja Haji pernah mengklasifikasikan *Tuhfat al-Nafis* sebagai “...an interesting historical work...” manakala Hassan Junus (1988) pula menganggapnya sebagai sebuah karya moden bersifat objektif yang sarat dengan falsafahnya kerana Raja Ali Haji telah memasukkan waktu, tarikh, tempat peristiwa berlaku dan sumber-sumbernya⁴⁶. Disebabkan penulisan-penulisan tersebut, Raja Ali Haji telah dianggap sebagai “one of the greatest Malay writers of the 19th Century” oleh Winstedt⁴⁷.

Latar Belakang Karya *Thamarat al-Muhimmah*

Judul sebenarnya ialah ثمرة المهمة ضيافة للأمراء والكبراء لأهل المحكمة (Buah-buahan yang Dicitacita hal keadaan jadi Jamuan bagi Raja-Raja dan bagi Orang Besar-Besar yang mempunyai Pekerjaan di dalam Tempat Berhukum⁴⁸) yang selepas ini akan dikenali sebagai

⁴⁰ *Muqaddimah fi Intizam* adalah sebuah karya kecil yang dihasilkan beliau yang mengandungi nasihat-nasihat kepada akhlak-akhlak raja-raja dan pemerintah. Ianya ditulis sebaik sahaja kemangkatan YDM Raja Ali pada Jun 1857M dan penurunan Sultan Mahmud daripada pemerintahan Riau-Lingga pada Oktober 1857M. Lihat Barbara Watson Andaya dan Virginia Matheson (1978), *Islamic Thought and Malay Tradition: The Writing of Raja Ali Haji of Riau (c.a. 1809 – c.a. 1870)* dalam Anthony Reid dan David Marr (eds), *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, SEA Publications series. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia), hlm. 112.

⁴¹ Syair Siti Sianah mengandungi dua bahagian iaitu perkara-perkara syariah mengenai hukum wudhu', solat, puasa dan zakat di bahagian pertama, manakala hal berkaitan tasawwuf pula dibincangkan di bahagian kedua. Kalau Syair Suluh Pegawai ditujukan kepada kaum lelaki, syair ini ditujukan kepada kaum wanita iaitu berkaitan dengan nasihat kepada surirumah tangga darihal hukum-hukum agama. Lihat Abu Hassan Sham (penyelenggara)(1993), *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 139.

⁴² Syair Abdul Muluk telah dicetak buat kali pertama oleh salah sebuah kedai buku di Singapura pada tahun 1845M sebelum dicetak oleh Roorda van Eysinga pada tahun 1874M di dalam Tijdschrift voor Neerlandsch Indee. Lihat Hassan Junus (penyelenggara), *Raja Ali Haji dan Karya-Karyanya*, hlm. 42, 44 -49; dan *Berkekalan Persahabatan*, hlm 11

⁴³ Syair Hukum Nikah tercantum di dalam Kitab al-Nikah dan kesemuanya berisi panduan perkahwinan terutamanya penekanan terhadap kaum lelaki untuk menjalani alam perkahwinan seperti urusan peminangan, mahar, kufu, dan sebagainya. Lihat Hassan Junus (penyelenggara), *Raja Ali Haji dan Karya-Karyanya*, hlm 50 - 51.

⁴⁴ Syair Suluh Pegawai ini tercantum bersama Syair Siti Sianah yang membicarakan tentang cara-cara seseorang itu memilih calon isterinya. Lihat Abu Hassan Sham (penyelenggara)(1993), *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 133.

⁴⁵ Karya Sinar Gemala Mastika Ala mini merupakan syair mengenai sejarah kelahiran Nabi Muhammad SAW yang juga memperlihatkan kekuasaan Allah SWT. Karya yang telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu oleh Raja Ali Haji ini berasal daripada karya sastera Arab-Parsi yang telah dilakukan pengubahsuaian. Lihat UU Hamidy (1985), *Naskah Melayu Kuno Daerah Riau: Transliterasi Naskah Melayu Kuno Daerah Riau*, Riau: Pekan Baru, Bab 2, hlm. 35

⁴⁶ Lihat Hassan Junus (1988), *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*, hlm 107

⁴⁷ Peter Riddell (2001), *Islam and the Malay-Indonesian World*, University of Hawaii Press, hlm. 188

⁴⁸ Terjemahan tajuk ini diambil daripada terjemahan Raja Ali Haji sendiri di dalam kata-kata aluan yang terdapat pada manuskrip tersebut. Rujuk Raja Ali Haji (1999) *Thamarat al-Muhimmah*. Terbitan Khazanah Fathoniah, Terbitan kedua, hlm. 3

Thamarat al-Muhimmah sahaja. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Drs. Mahdini⁴⁹, manuskrip *Thamarat al-Muhimmah* terdapat di dalam dua salinan iaitu naskah Jakarta dan naskah Leiden. Naskah Jakarta ialah salinan manuskrip yang disimpan di Perpustakaan Musium Pusat Jakarta. Manuskrip naskah Jakarta ini berukuran 33 x 21 cm dan setebal 123 halaman. Setiap halaman mempunyai 17 baris, kecuali halaman 84 dan halaman 85 yang masing-masing terdiri daripada 15 baris. Naskah ini ditulis di atas kertas *watermark* iaitu jenis kertas yang menggunakan tanda perusahaan dan diimport dari Eropah⁵⁰. Manakala naskah Leiden pula merupakan naskah cetak batu (litografi) yang menggunakan ukuran kertas 19 x 15.5 cm dan setebal 79 halaman. Jumlah baris pada setiap halaman berkisar antara 17 hingga 20 baris. Pada naskah ini tercatat tahun ianya dicetak batu iaitu pada tahun 1304H/ 1886M di Lingga⁵¹. Tidak banyak perbezaan di antara kedua-dua naskah ini kecuali penggunaan perkataan yang berbeza yang tidak mengubah maksud sebenar penulis. Naskah Leiden ini adalah naskah yang paling banyak tersebar salinannya sama ada di perpustakaan-perpustakaan maupun di dalam simpanan koleksi peribadi individu-individu tertentu⁵². Kertas kerja ini ditulis berdasarkan manuskrip yang diterbitkan oleh Khazanah Fataniah yang mencetaknya berdasarkan salinan manuskrip Naskah Leiden.

Manuskrip *Thamarat al-Muhimmah* ini adalah merupakan satu penulisan Raja Ali Haji yang berkaitan dengan hukum ketatanegaraan. Kandungan manuskrip ini tersusun seperti di bawah:

1. Pendahuluan yang mengandungi;
 - a. Pengakuan terhadap ilmu pengetahuan
 - b. Manusia berbeza kerana ilmunya
 - c. Bodoh dan binasa bagi mereka yang tidak berilmu
2. Bab pertama yang mengandungi;
 - a. Kewajipan mendirikan kerajaan dan melantik raja
 - b. Definisi raja
 - c. Syarat menjadi raja dan hakim
 - d. Wazir dan pembantu-pembantu raja yang lain
 - e. Pemecatan jawatan raja dan jawatan-jawatan yang lain
3. Bab kedua yang mengandungi;
 - a. Jabatan-jabatan kerajaan
 - b. Aturan perjalanan mahkamah
 - c. Aturan mesyuarat
 - d. Janji setia antara raja dan jabatan kerajaan
4. Bab ketiga yang mengandungi;
 - a. Akhlak para pemimpin
 - b. Nasihat-Nasihat kepimpinan

⁴⁹ Mahdini (1999) *Tsamarat Al-Muhimmah karya Raja Ali Haji*. Pekanbaru : Penerbit Yayasan Pusaka Riau, hlm. 6.

⁵⁰ Mahdini (1999), op. cit., hlm. 7

⁵¹ Ibid, hlm. 10

⁵² Ibid, hlm. 10

Pembahagian bab diatas adalah merupakan tajuk-tajuk besar yang terdapat di dalam manuskrip *Thamarat al-Muhimmah*. Bagi setiap tajuk tersebut, terdapat juga sub-sub topik yang lebih kecil dan khusus dengan perbincangan yang lebih mendalam.

Penggunaan Ayat-Ayat Al-Quran Sebagai Dalil Dalam *Thamarat Al-Muhimmah*

Raja Ali Haji telah menggunakan sebanyak sepuluh petikan ayat-ayat al-Qur'an di dalam pelbagai topik perbincangan di dalam karya beliau *Thamarat al-Muhimmah*. Kesemua ayat-ayat tersebut dipetik oleh Raja Ali Haji untuk menyokong perbincangan dan pandangan beliau tentang topik-topik yang diutarakan di dalam karya beliau itu.

Petikan yang pertama yang beliau gunakan ialah ayat ke-11 *Surah al-Mujadalah*⁵³;

"... يرفع الله الذين ءامنوا منكم والذين ءوتوا العلم درجات"

*Ertinya : "... Diangkatkan Allah Taala segala mereka itu yang beriman daripada kamu dan segala mereka itu yang diberi ilmu beberapa pangkat"*⁵⁴.

Raja Ali Haji menggunakan petikan ayat al-Qur'an di atas di dalam bab mukaddimah karya beliau yang menyentuh tentang kelebihan orang-orang yang berilmu. Bagi beliau, kelebihan orang yang berilmu itu dapat dibuktikan berdasarkan dalil naqli dan dalil aqli. Bagi dalil naqli beliau mengemukakan petikan ayat al-Qur'an di atas untuk menyokong pandangannya.

Di dalam bab yang pertama, fasal satu manuskrip *Thamarat al-Muhimmah* yang membincangkan persoalan mengenai perlantikan raja atau pemimpin, Raja Ali Haji telah memetik ayat ke-59 *Surah An-Nisa* ' iaitu⁵⁵;

"... أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ..."

*Ertinya : "...Taatlah kamu akan Allah Taala dan taatlah kamu akan rasul-Nya dan yang mempunyai pekerjaan yakni yang mempunyai hukum daripada kamu..."*⁵⁶

Di dalam perbincangan mengenai persoalan perlantikan Raja atau ketua negara ini, Raja Ali Haji memberikan pandangan bahawa hukumnya adalah fardhu kifayah. Bagi Raja Ali Haji, raja atau ketua negara yang telah dilantik adalah wajib ditaati berdasarkan ayat al-Qur'an yang telah dinyatakan di atas.

Seterusnya di dalam bab pertama pada fasa kedua karya *Thamarat al-Muhimmah*, Raja Ali Haji telah memetik ayat ke-246 *Surah al-Baqarah* iaitu⁵⁷:

⁵³ Raja Ali Haji (1999) *Thamarat al-Muhimmah*. Terbitan Khazanah Fathoniah, Terbitan kedua, hlm. 3

⁵⁴ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm. 3.

⁵⁵ Ibid, hlm 7

⁵⁶ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm. 7

⁵⁷ Ibid, hlm 9

"... اذ قالوا لنبيّ لهم ابعت لنا ملکا تقاتل في سبيل الله ..."

Ertinya : "... Pada ketika telah berkata mereka itu bagi Nabi mereka itu bangkitkan olehmu bagi kami akan seorang raja jadi kepala serta kami pada pekerjaan perang dengan jalan Allah...⁵⁸"

Fasa kedua di dalam bab pertama ini membicarakan tentang makna perkataan raja. Bagi Raja Ali Haji, perkataan raja boleh membawa tiga makna iaitu raja dengan makna khalifah, raja dengan makna sultan dan raja dengan makna imam. Di bawah makna imam inilah Raja Ali Haji memetik ayat al-Qur'an di atas untuk menyokong pandangan beliau yang mengatakan imam itu adalah ikutan segala rakyatnya pada segala hukuman dan perintahnya yang tiada membawa kepada kekufuran dan maksiat⁵⁹.

Pada bab dan fasa yang sama juga Raja Ali Haji memetik satu lagi ayat al-Qur'an iaitu ayat ke-16 *Surah al-Buruj*⁶⁰;

"فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ"

Ertinya : Berbuat barang sekehendaknya⁶¹.

Di dalam menolak pandangan bahawa raja itu berkuasa mutlak dan boleh berbuat sesuka hati mereka, Raja Ali Haji memetik ayat al-Qur'an di atas sebagai dalil untuk menyokongnya. Bagi Raja Ali Haji, sesiapa yang berpandangan bahawa raja itu berkuasa mutlak dan boleh berbuat sesuka hati boleh membawa kepada kekufuran kerana sifat itu hanya milik Allah SWT sahaja. Sesiapa yang berpandangan sedemikian seumpama menyamakan kuasa raja itu dengan dengan kuasa Allah SWT dan ianya adalah perbuatan yang diharamkan⁶².

Perihal di dalam melantik menteri atau wazir turut disentuh oleh Raja Ali Haji di dalam karya *Thamarat al-Muhimmah* ini. Beliau menyentuh perkara tersebut di dalam fasal ketiga, bab pertama manuskrip tersebut. Beliau memulakan perbincangan beliau tentang topik tersebut dengan menyatakan bahawa hukum melantik wazir adalah fardhu kifayah. Beliau juga menyebut tentang syarat-syarat yang harus ada pada seorang wazir. Kemudian beliau meneruskan perbincangan dengan memberikan makna kepada perkataan wazir tersebut. Bagi Raja Ali Haji, makna perkataan wazir ialah "... menolong dan menanggung pekerjaan yang berat, menguatkan dan mengaturkan pada pekerjaan kerajaan..."⁶³. Bagi menguatkan pandangan beliau itu, Raja Ali Haji membawakan petikan ayat-ayat al-Qur'an dari *Surah aha*, bermula hingga 32⁶⁴.

⁵⁸ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm. 9

⁵⁹ Ibid, hlmn 9

⁶⁰ Ibid, hlm 10

⁶¹ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm 10.

⁶² Ibid, hlm 10.

⁶³ Ibid, hlm 11

⁶⁴ Ibid, hlm 11

"واجعل لى وزيراً من أهلى (29) هارون أخى (30)
اشدد به أزرى (31) وأشركه فى أمرى" (32)

*Ertinya : Jadikan bagiku seorang wazir yakni menteri yang menolong daripada ahliku (29) Iaitu Harun saudaraku (30) Menguatkan belakangku (31) Dan menyengutui pekerjaanku (32)*⁶⁵

Penggunaan ayat al-Qur'an di atas menunjukkan bahawa kefahaman Raja Ali Haji mengenai keperluan untuk melantik seorang wazir bagi seorang raja adalah berdasarkan penghayatan beliau terhadap maksud ayat tersebut.

Kesinambungan daripada perbincangan beliau tentang keperluan melantik wazir bagi seorang raja bagi membantu raja di dalam urusan pentadbiran sesebuah negeri, Raja Ali Haji meneruskan perbincangan dengan menyentuh persoalan mengenai keperluan melantik kadi pada bab dan fasal yang sama manuskrip tersebut. Pada pandangan Raja Ali Haji, hukum melantik kadi adalah fardu kifayah berdasarkan ayat ke-49, *Surah al-M 'idah* iaitu⁶⁶:

"وأن احكم بينهم بما أنزل الله ... "

*Ertinya: Dan bahawa hendaklah engkau hukumkan antara mereka itu dengan hukum barang yang diturunkan Allah Taala...*⁶⁷

Di dalam bab kedua, fasal ketiga karya *Thamarat al-Muhimmah*, Raja Ali Haji meneruskan perbincangan beliau dengan menulis tentang aturan permesyuaratan oleh anggota-anggota mahkamah. Beliau telah memetik ayat ke-159, *Surah Ali 'Imran* sebagai asas perbincangan beliau⁶⁸.

"... وشاورهم فى الأمر فاذا عزمتم فتوكل على الله انّ الله يحبّ المتوكلين"

*Ertinya : "... Bermesyuaratlah engkau Muhammad serta mereka itu pada segala pekerjaan maka apabila engkau mencita-cita yakni melakukan pekerjaan kemudian daripada mesyuarat maka hendaklah engkau berpegang kepada Allah Taala yakni berpegang kepada Allah akan pekerjaan yang hendak diperbuat itu jangan berpegang kepada mesyuarat bahawasanya Allah Taala itu kasih akan orang yang berpegang kepada-Nya"*⁶⁹.

⁶⁵ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm 11.

⁶⁶ Ibid, hlm 12.

⁶⁷ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm 12.

⁶⁸ Ibid, hlm 23

⁶⁹ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm 23.

Raja Ali Haji tidak menghuraikan dengan lebih mendalam tafsiran kepada ayat al-Qur'an di atas. Beliau hanya menambah satu petikan kata-kata hukama' seperti di bawah;

“Barangsiapa diberi empat perkara tiada ditegahkan empat perkara; Pertama barangsiapa diberi syukur tiada ditegahkan bertambahnya, dan barangsiapa diberi taubat tiada ditegahkan qabulnya, barangsiapa diberi istikharah tiada ditegahkan kebajikan, dan barangsiapa diberi mesyuarat tiada ditegahkan kebenarannya”⁷⁰.

Di dalam membicarakan aturan perjalanan mahkamah, Raja Ali Haji mengutarakan pandangan beliau bahawa seorang kadi yang dilantik memegang jawatan tersebut perlulah terlebih dahulu melafazkan janji sumpah setia di hadapan Raja sebelum dilantik ke jawatan tersebut. Janji sumpah setia yang perlu dilafazkan oleh calon penyandang jawatan kadi itu perlu mengandungi 12 perkara⁷¹. Bagi menguatkan pandangan beliau tentang keperluan untuk mentaati sumpah janji setia tersebut, Raja Ali Haji memetik ayat ke-34 *Surah al-Isra'* iaitu⁷²;

"وأوفوا بالعهد انّ العد كان مسئولا"

Ertinya : *Sempurnakan oleh kamu akan janji bahawa sesungguhnya janji itu adalah ia ditanya pada hari Kiamat*⁷³.

Raja Ali Haji tidak menerangkan dengan lebih lanjut keperluan kenapa calon penyandang jawatan kadi dikehendaki untuk melafazkan sumpah janji setia. Beliau hanya memetik dalil ayat-ayat al-Quran tentang kewajipan untuk menunaikan sumpah janji setia yang telah dilafazkan sahaja.

Seterusnya, dalam memberikan nasihat-nasihat kepada raja-raja di dalam menjalankan pemerintahan mereka, Raja Ali Haji turut memetik ayat-ayat suci al-Quran sebagai asas perbincangan beliau. Dalam satu nasihat beliau supaya raja-raja menjauhi sifat bakhil, Raja Ali Haji memetik ayat ke-104, surah *Ali-Imran* iaitu⁷⁴;

"ولتكن مّنكم أمة يدعون الى الخير ويأمرون بالمعروف وينهون عن المنكر"

Ertinya : *Hendaklah jadikan setengah daripada kamu itu seorang umat menyeru kepada kebajikan dan dengan makruf dan menegah daripada yang mungkar*⁷⁵.

⁷⁰ Ibid, hlm 23

⁷¹ Rujuk ibid, hlm 34 – 39.

⁷² Ibid, hlm 34

⁷³ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm 34

⁷⁴ Ibid, hlm 60

⁷⁵ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm 60

Secara zahirnya, ayat al-Qur'an yang dipetik oleh Raja Ali Haji di atas jelas tiada kaitannya dengan sifat bakhil. Tetapi Raja Ali Haji di dalam membicarakan keburukan sifat bakhil ini telah memasukkan beberapa perbuatan yang dikategorikan sebagai bakhil. Antara yang dinyatakan oleh beliau ialah seperti tidak membalas pemberian atau persembahan daripada pembesar lain setara dengan pemberian tersebut, tidak memberikan atau mengurangkan upah kepada biduanda istana, tidak mengeluarkan zakat, dan tidak mengeluarkan belanja untuk mewujudkan pusat-pusat pengajian ilmu. Raja Ali Haji menggunakan dalil di atas sebagai hujah tentang keburukan sifat bakhil raja atau pemerintah di dalam mengeluarkan belanja bagi mewujudkan pusat-pusat pengajian ilmu. Bagi Raja Ali Haji, pusat-pusat pengajian ilmu ini adalah penting bagi melahirkan mereka yang bijak pandai terutamanya dalam bidang ilmu-ilmu Islam. Masyarakat yang mempunyai ramai bijak pandai akan menjadi aman sentosa kerana bagi Raja Ali Haji mereka inilah yang akan melaksanakan tanggungjawab untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran sebagaimana yang difirmankan Allah Taala di dalam ayat al-Quran di atas. Manakala masyarakat yang dipenuhi oleh mereka yang jahil dan tidak berilmu akan menjadi porak peranda kerana mereka ini tidak tahu batas-batas hukum Islam yang boleh mengawal dan memandu kehidupan mereka⁷⁶.

Ayat al-Qur'an yang terakhir yang dipetik oleh Raja Ali Haji di dalam karya *Thamarat al-Muhimmah* ini adalah berkenaan dengan nasihat beliau kepada raja-raja yang memerintah supaya jangan mengabaikan urusan-urusan dan hukum-hakam agama di dalam pemerintahan mereka. Raja Ali Haji memetik ayat ke- 42, *Surah Ibrahim* sebagai salah satu asas di dalam perbincangan beliau iaitu⁷⁷:

"ولا تحسبنّ الله غافلا عما يعمل الظّالمون، انما يؤخّرهم ليوم
تشخص فيه الأبصار"

Ertinya : "*Jangan engkau sangkakan Allah Taala itu lalai daripada barang yang dikerjakan oleh segala mereka itu yang zalim, hanya sesungguh-sungguh barang yang dita'khirkan mereka itu bagai hari tercelik di dalamnya segala mata*"⁷⁸.

Raja Ali Haji mengingatkan para raja yang memegang tampuk pemerintahan negara supaya jangan melalaikan tanggungjawab di dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan kepada mereka. Raja Ali Haji juga menasihatkan para raja supaya tidak terjebak di dalam gejala-gejala kemaksiatan yang boleh merosakkan mereka. Sebagai ingatan kepada para raja tersebut, Raja Ali Haji membawakan ayat al-Qur'an di atas sebagai ingatan bahawa mereka akan dinilai dan dibalas oleh Allah SWT atas segala perbuatan dan tindakan mereka.

Kesimpulan

Raja Ali Haji sebagai seorang cendekiawan dan ulama Melayu Islam turut mengamalkan gaya penulisan yang memasukkan ayat-ayat al-Qur'an sebagai dalil dan asas di dalam membahaskan satu-satu perkara. Pendekatan ini dapat membantu para pembaca karya

⁷⁶ Ibid, hlm 58 – 60.

⁷⁷ Ibid, hlm 70 – 71

⁷⁸ Terjemahan ini disalin daripada terjemahan yang dibuat oleh Raja Ali Haji sendiri di dalam karyanya itu. Lihat ibid, hlm 71.

penulisan beliau untuk lebih memahami topik-topik yang diutarakan lebih meyakini akan keabsahan topik yang dibincangkan. Dengan keadaan dan suasana di Kepulauan Riau terutamanya di Pulau Penyengat yang merupakan tempat kediaman Raja Ali Haji pada pertengahan abad ke-19 yang kemudahan-kemudahannya agak terbatas dan tidak seperti yang dinikmati pada hari ini, bolehlah dianggap bahawa Raja Ali Haji seorang cukup mahir dan pakar di dalam bidang keilmuan terutamanya di dalam hal-hal keagamaan. Kemampuan beliau untuk memetik ayat-ayat al-Qur'an sebagai dalil dan hujah bagi sesetengah topik yang dibincangkan adalah satu perkara yang sepatutnya dikagumi.

Raja Ali Haji di dalam memetik ayat-ayat al-Qur'an di dalam penulisan beliau ini tidak pula menyatakan nama surah ayat itu dipetik dan bilangannya. Pendekatan beliau ini agak menyukarkan kepada para pembaca karya beliau ini untuk membuat rujukan dari surah manakah ayat-ayat itu dipetik. Satu kelebihan yang wujud di dalam praktis Raja Ali Haji di dalam memetik ayat-ayat al-Qur'an tersebut ialah, beliau turut membawakan makna bagi ayat-ayat yang dipetik. Pendekatan ini akan lebih memudahkan bagi para pembaca karya untuk lebih memahami ayat-ayat tersebut terutamanya bagi mereka yang tidak memahami bahasa Arab. Tidak dapat dipastikan sama ada makna ayat-ayat al-Qur'an yang beliau sertakan diambil daripada kitab-kitab tafsir ataupun berdasarkan penguasaan beliau di dalam Bahasa Arab. Namun kemungkinan ianya diterjemah berdasarkan atas kemampuan beliau menguasai Bahasa Arab adalah lebih kuat kerana pada pertengahan abad ke-19, iaitu pada zaman karya *Thamarat al-Muhimmah* ini dihasilkan, agak sukar untuk mencari terjemahan al-Qur'an ke dalam Bahasa Melayu sepertimana yang ada pada masa kini. Raja Ali Haji juga di dalam penulisan beliau di dalam *Thamarat al-Muhimmah* ini tidak menghuraikan dengan lebih mendalam maksud ayat-ayat al-Qur'an yang beliau petik. Beliau hanya sekadar memberikan makna ayat-ayat tersebut sahaja.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran dan Terjemahannya (1971), Kementerian Agama, Wakaf, Da'wah dan Bimbingan Islam, Kerajaan Arab Saudi.

A.Samad Ahmad (1985), *Kerajaan Johor-Riau*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Kasbon "Perbandingan Raja Ali Haji dan Abdullah bin Abdul Kadir Munshi sebagai Sejarawan" *Dewan Bahasa*, bil 12, Disember 1970.

Abu Hassan Sham (1993), *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

_____ (1995), *Syair-Syair Melayu Riau*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia

_____ (1981), Undang-Undang Lima Fasal dari Riau dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm 63- 92.

Buyong Adil (1971), *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Elmustian Rahman (1997), Muqaddima fi Intizam: Latar belakang dan pandangan di dalam *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, 31 Okt – 2 Nov 1997, anjuran Kerajaan Negeri Johor di Johor Bahru, Johor, Malaysia

Hassan Junus (1988), *Raja Ali Haji, Budayawan di Gerbang Abad ke-20*, Pekan Baru : Universiti Islam Riau Press

Krazt, Ernst Ulrich (1973), *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, Wiebaden : Otto Harrassowitz

Mahdini (1999), *Tsamarat Al-Muhimmah karya Raja Ali Haji*. Pekanbaru : Penerbit Yayasan Pusaka Riau

_____ (2000), *Etika Politik Pandangan Raja Ali Haji dalam Tsamarat al-Muhimmah*, Pekanbaru: Yayasan Pusaka Riau.

Matheson, Virginia (1987), “Suasana Budaya Riau dalam Abad ke-19: Latar Belakang dan Pengaruhnya”, dalam *Tradisi Johor Riau*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Matheson, Virginia, “Concepts of State in the Tuhfat al-Nafis (The Precious Gift), *Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, no 6, 1975.

Mohd Taib Osman (1988), “Raja Ali Haji dari Riau: Apakah Tokoh Trasisi Pujangga Klasik yang Akhir Sekali”, dalam *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur : DBP

Muchtar Lutfi et. al (1977), *Sejarah Riau*, Pekan Baru : Universitas Riau Pekan Baru

Peter Riddell (2001), *Islam and the Malay-Indonesian World*, University of Hawaii Press

Raja Ali Haji ibn Raja Ahmad (1982), *The precious Gift (tuhfat al-Nafis)*, Virginia Matheson dan Barbara W. Andaya (ed), Kuala Lumpur : Oxford University Press

_____ (1304H), *Muqaddimah fi Intizam al-Wazaiif al-Mulk Khususan ila Maulana wa Saahibin wa Akhina Yang Dipertuan Muda Raja Ali al-Mudabbir al-Bilad al-Riauwiyah wa Saaira Daairatihi* , tanpa penerbit.

_____ (1999), *Thamarat al-Muhimmah Diyafah lil Umara' wa lil Ahl al-Mahkamah*, Yayasan Fathoniah.

Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji (1982), *Tuhfat al-Nafis*, Virginia Matheson (ed), Kuala Lumpur : Fajar Bakti

Van Der Putten, J & Al-Azhar (2006), *Dalam Berkekalan Persahabatan, Surat-Surat Raja Ali Haji kepada Von De Wall*, Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia

Wan Mohd Shaghir Abdullah (2004), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, Jilid 7, Kuala Lumpur : Persatuan Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, Pusat Penyelidikan & Penyebaran Khazanah Islam Klasik dan Moden Dunia Melayu

Winstedt, R.O (1966), *Malaya and Its History*, London : Hutchinson University Library